



**Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula**

BERITA

# Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula 1 Ogos 2024




Diterbitkan 17 jam lepas pada 14 July 2024  
Oleh **Anis Chan**

TERKINI




SELEBRITI / 4

Dah bawa ha  
Danish tak l  
bersama wa



SELEBRITI / 1

Netizen dak  
Fazura, pem  
boleh pakai



SELEBRITI / 1

Scammer di  
Siti Nurhali  
untuk tebus



## Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula



cukai, HASiL  
bermula 1 O



BERITA / 18 ja  
Wanita dihe  
jalani pemb  
buah pingga

Bermula 1 Ogos ini, pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta akan mula menggunakan sistem dalam portal MyInvois Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) iaitu e-Invois sebelum dilaksanakan secara berperingkat kepada kategori lain.

Sistem e-Invois merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh LHDN bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai di Malaysia.

### HASiL e-Invois dilaksana bermula 1 Ogos ini

## Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula




Ia juga merupakan inisiatif untuk memacu agenda digitalisasi negara, sejajar dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital).

Sistem tersebut diperkenalkan bagi membantu kerajaan mencapai sasaran kutipan cukai tahun 2024 sebanyak RM197 bilion dengan meningkatkan kecekapan pentadbiran serta pematuhan cukai negara.

Malah, e-Invois juga mampu mengurangkan proses manual dan kesilapan disamping memudahkan pengemukaan borang nyata serta mendigitalkan pelaporan cukai dan kewangan.



## Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula



Walaupun ramai yang menyatakan inisiatif itu boleh memberikan impak positif, namun mereka turut menyuarakan kerisauan mereka terhadap sistem terbaharu berkenaan.

Wakil syarikat Wira Food Trading, Salena Abdul Rahim menyuarakan pendapat yang sama kerana tidak mahu beban pekerjaanya bertambah selepas sistem itu digunakan sepenuhnya.



## Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula





## Tingkatkan kecepatan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula



***“Mengikut penerangan mengenai HASiL e-Invois, sistem ini kelihatan seperti akan memudahkan pembayar-pembayar cukai. Tapi terfikir juga sekiranya sistem ini menambah beban terhadap pembayar?”***

***“Kita masih belum tahu bagaimana sistem ini beroperasi sehingga Ogos ini, jadi rasa risau itu tetap ada,”katanya.***



# Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula

Watch now

@wirafrozenfood85  
WIRA FOOD TRADING SDN BHD  
#puchongutama #frozenfood  
...  
Positive Vibes - Soundheaven





## Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula

Jadi, masih belum terlambat untuk pembayar cukai mengenali HASiL e-Invois kerana ia dilaksanakan secara berperingkat dan hanya akan bermula pada 1 Ogos ini terhadap satu kategori dahulu.

Artikel lain: [Leona utamakan pendidikan, pendapatan influencer cecah RM30,000 sebulan](#)

Manakala pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta akan mula menggunakan sistem ini pada 1 Januari 2025.

Bagi pembayar cukai yang lain, sistem HASiL e-Invois akan mula digunakan bermula pada 1 Julai 2025 dan untuk maklumat lanjut, layari [laman web](#) <https://www.hasil.gov.my/e-invois>.

PERHATIAN: Pihak Oh My Media tidak akan bertanggungjawab langsung ke atas komen-komen yang diberikan oleh pembaca kami. Sila pastikan anda berfikir panjang terlebih dahulu sebelum menulis komen anda disini. Pihak Oh My Media juga tidak mampu untuk memantau kesemua komen yang ditulis disini. Segala komen adalah hak dan tanggungjawab anda sendiri.

0 comments

Sort by Oldest



Add a comment...

[Facebook Comments Plugin](#)

**TOPIK BERKAITAN:**



# Tingkatkan kecekapan pentadbiran cukai, HASiL e-Invois dilaksana bermula



[HUBUNGI KAMI](#)

[POLISI DATA PERIBADI](#)

[TERMA DAN SYARAT](#)



Oh My Media: Bukan sekadar headlines. Baca dulu, baru tahu!